A

OMAR ABDUL AZIZ

lwn.

MAT ZIN AHMAD & SATU LAGI

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ZAKARIA SAM H
[RAYUAN SIVIL NO: 12-79-2005]
6 OGOS 2008

C ***GANTI RUGI:*** *Taksiran - Kehilangan pendapatan masa hadapan - Rayuan - Plaintif seorang kakitangan kerajaan yang tidak dapat menjalankan tugas kerja luar disebabkan kecederaan yang dialami akibat sesuatu kemalangan - Sama ada beliau berhak ke atas kehilangan pendapatan kerja luar - Multiplier*

D

Ini adalah rayuan plaintif menentang keputusan hakim perbicaraan yang menolak tuntutan plaintif untuk kehilangan pendapatan masa hadapan. Isu di sini ialah sama ada plaintif, seorang kakitangan kerajaan yang tidak dapat menjalankan tugas kerja luar disebabkan kecederaan yang dialami akibat sesuatu kemalangan, berhak ke atas
E kehilangan pendapatan kerja luar. Hakim perbicaraan memutuskan bahawa elaun kerja luar adalah merupakan bayaran balik kepada plaintif kerana membelanjakan bagi petrol dan dengan itu adalah 'reimbursement' yang disebut hakim perbicaraan sebagai 'disbursement' iaitu 'out of pocket expenses'. Jika plaintif tidak
F melakukan kerja di luar, maka tiada perbelanjaan untuk minyak petrol, makan dan minum. Oleh itu, beliau tidak membenarkan tuntutan kehilangan kerja luar di masa hadapan.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

G

(1) Hakim perbicaraan telah silap dalam undang-undang dan fakta apabila gagal membezakan elaun perjalanan dan elaun kerja luar. Walaupun elaun perjalanan adalah 'reimbursement' yang mana dibayar kerana plaintif menggunakan motosikal untuk
H melaksanakan tugas-tugasnya, elaun kerja luar adalah merupakan elaun tetap yang dibayar kerana tugas harian plaintif menjalankan kerjanya di luar stesen. Bayaran elaun kerja luar ini adalah sebahagian dari pendapatan perayu kerana elaun ini timbul dari pelaksanaan tugas-tugas harian rasmi
I perayu, dan ia dibayar setiap bulan. Memandangkan kadar bayaran elaun ini adalah tetap, mahkamah memutuskan bahawa

bayaran elaun kerja luar adalah pendapatan dan bukannya 'reimbursement' seperti elaun perjalanan. Oleh kerana kemalangan yang menimpa beliau telah mengakibatkan kecacatan kekal, beliau kini tidak dapat menunaikan tugas-tugas biasanya dan kini langsung tidak dibayar elaun kerja luar yang mana purata elaun tersebut sebelum kemalangan ialah RM552.80 sebulan. Ini adalah suatu kehilangan yang secara langsung muncul dari 'tortious act' defendan. Plaintif telah mengalami 'loss in earning capacity' iaitu secara kekal beliau telah kehilangan elaun kerja kerana tidak dapat menjalankan tugas biasanya. Memandangkan plaintif berumur 35 tahun 11 bulan semasa kemalangan, multiplier yang beliau layak ialah sembilan. (perenggan 12, 15, 17, 18, 19 & 20)

[Diperintah sedemikian.]

Kes-kes yang dirujuk:

Nagarajan Veerappan v. Ananthan Parama Sivam & Anor [1989] 2 CLJ 1243; [1989] 2 CLJ (Rep) 153 HC ***(dirujuk)***

Ong Ah Long v. Dr S Underwood [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300 FC ***(dirujuk)***

Bagi pihak perayu/plaintif - T Selvadoray; T/n T Selva

Bagi pihak responden/defendan - Suresh Hari Krishnan; T/n Lim Him Wee & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Zakaria Sam H:

[1] Rayuan oleh perayu/plaintif (selepas ini plaintif) adalah di atas keputusan hakim perbicaraan yang menolak tuntutan plaintif untuk kehilangan pendapatan masa hadapan.

[2] Isu disini ialah sama ada plaintif seorang kakitangan kerajaan yang tidak dapat menjalankan tugas kerja luar disebabkan kecederaan yang dialami akibat kemalangan pada 29 Disember 2003 berhak ke atas kehilangan pendapatan masa hadapan iaitu kehilangan pendapatan kerja luar.

[3] Untuk menentukan isu di atas mahkamah ini perlu merujuk kepada keterangan plaintif (SP2) yang relevan untuk maksud rayuan ini yang telah diringkaskan oleh hakim perbicaraan seperti berikut:

– Sebelum kemalangan, saya bekerja di Jabatan Ukur Perak, Seksyen Topografi.

– Tugas saya mengangkat barang alat-alat ukur seperti batu sempadan, pasir, simen. Kadang-kadang kena naik bot dan mengangkut barang di sempadan.

– Tugas perlukan saya berjalan dimerata-rata tempat seperti Kelantan, Perlis dan lain-lain.

– Saya perlu memandu kereta.

– Kalau melibatkan sempadan Malaysia–Thailand, baru saya ke Kelantan, Perlis dan sebagainya. Tiap-tiap bulan bertukar tempat.

– Kerja saya banyak melibatkan kerja luar.

– Kerja melibatkan saya menginap dimerata-rata tempat.

P6 ialah elaun kerja luar dan elaun perjalanan Julai-September 2003.

– Elaun kerja luar adalah untuk elaun harian.

– Elaun perjalanan adalah elaun kenderaan atau mileage.

– Setiap bulan ada elaun kerja luar dan elaun perjalanan.

– Ada surat daripada pegawai perubatan untuk saya buat kerja ringan.

– Saya diberi tugas ringan selepas balik semula bekerja.

– Tidak boleh lakukan kerja yang saya lakukan sebelum kemalangan kerana tangan kiri saya tidak dapat genggam rapat dan kuat.

– Untuk dapatkan elaun kerja luar belanja sebulan lebih kurang RM200.00 lebih.

– Hitung panjang elaun kerja luar RM600 setiap bulan, saya belanjakan lebih kurang RM200.00 lebih iaitu RM250.00.

– Saya masih buat kerja ringan.

– Masih tidak boleh lakukan kerja luar.

[4] Semasa disoal balas oleh peguam defendan, plaintif mengatakan:

- Jawatan saya sebelum kemalangan dengan Jabatan Ukur ialah pekerja am.
- Apabila hendak keluar bekerja saya akan pergi bersama dengan sekumpulan pekerja.
- Saya bawa kenderaan sendiri.
- Kalau hendak ke sempadan Kelantan-Perlis guna kenderaan Jabatan Ukur. Belanja RM200.00 untuk dapat elaun RM600.00 sebulan maksudnya belanja makan.
- Rujuk ID6 bulan Julai elaun perjalanan RM180.00. Ada elaun perjalanan oleh majikan apabila pergi buat 'field work'. Ya, elaun perjalanan telahpun diberikan oleh majikan.
- Ya, elaun perjalanan dan elaun kerja luar sahaja yang tidak boleh dituntut untuk Januari 2004-September 2004.
- Tidak setuju boleh sambung kerja biasa sama seperti sebelum kemalangan

[5] Keterangan SP3, iaitu Penolong Pengarah Ukur di Jabatan Ukur Taiping adalah seperti berikut:

- Tugas plaintif adalah Pekerja Rendah Awam sebagai buruh dalam kerja-kerja menjalankan ukur.
- Beliau adalah seorang buruh.
- Dimestikan jalankan kerja luar di sempadan Malaysia-Thailand dan juga menjalankan kerja ukur pemeriksaan biasa.
- Perlu jalankan kerja di sempadan sebab seksyen Topo bahagian utama memang jalankan kerja-kerja ukur pemetaan sempadan Malaysia-Thailand dan berpusat di Taiping.
- Pemetaan biasanya iaitu kerja-kerja ukuran batu aras dan plain table di Semenanjung Malaysia.
- Dia dikehendaki membawa kenderaan. Terpulang kepada beliau sama ada bawa motosikal atau kereta.
- Dia gunakan kenderaan motosikal atau kereta.
- Dia dibenarkan buat tuntutan.

– Beliau boleh buat tuntutan Kelas 'D' kalau gunakan kereta dan kelas 'E' kalau gunakan motosikal.

– Elaun kerja luar bulan Julai RM990.00. Elaun bergantung pada kerja-kerja luar yang dijalankan

– Beliau jalankan kerja luar ukur sempadan Malaysia-Thailand.

– Elaun kerja luar dibayar secara harian.

– Julai – rate adalah RM37.65 satu hari.

– Jadi ia adalah kadar 'D' ikut Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.

– Di sempadan elaun berbeza dengan kerja pemetaan biasa. Kadar 'B' iaitu RM11.80 satu hari diluar kawasan ibu pejabat.

– Bulan Julai, Ogos dan Oktober jumlah dia lebih banyak jika dibandingkan dengan September, November dan Disember.

– Ogos – kerja luar di sempadan Malaysia-Thailand.

– September – kerja luar pemetaan biasa.

– Oktober 2003 – kerja luar di sempadan Malaysia-Thailand.

– November – kerja pemetaan biasa.

– Elaun perjalanan adalah elaun perbatuan.

Ia adalah tuntutan kerana gunakan kenderaan sama ada motosikal atau kereta.

– Itu adalah memandangkan di mana ia perlu laksanakan tugas pada hari itu.

– Selepas kemalangan, plaintif dapat surat doktor disuruh jalankan kerja-kerja ringan. Jabatan suruh dia jalankan kerja-kerja di Jabatan saya.

[6] Semasa disoal balas, SP3 mengatakan:

– Elaun kerja luar ikut mana dia bekerja termasuk untuk makanan.

– Apabila dia pergi ke sempadan, jabatan ada beri tempat tinggal.

– Apabila pekerja buat kerja di sempadan Thailand-Malaysia, keperluan harian mereka akan dibayar oleh Kerajaan.

– Selepas kemalangan, dia masih dapat pendapatan beliau, kecuali elaun perjalanan dan kerja luar pada Januari-September 2004 beliau tidak dapat.

Rumusan

[7] Secara ringkasnya, plaintif bekerja sebagai pekerja Rendah Awam Gred R1 di Jabatan Ukur, Taiping. Tugasnya ialah melakukan kerja luar yang termasuk kerja topographi di sempadan Malaysia/Thai di Semenanjung Malaysia yang memerlukan plaintif mengangkat barang seperti alat-alat ukur seperti batu sempadan, pasir dan simen. Kerjanya memerlukannya menginap di luar setesennya.

[8] SP3 iaitu majikan plaintif memberitahu mahkamah bahawa plaintif diberi elaun kerja luar yang tetap atas kadar yang ditetapkan oleh Pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Bil.2/1996.

[9] Menerusi SP3 dikemukakan eks. P6 yang menunjukkan pendapatan elaun kerja luar plaintif bagi tempoh enam bulan sebelum kemalangan (Lihat m/s 104 rekod rayuan) dimana purata pendapatan elaun kerja luar plaintif ialah RM552.80.

[10] Menerusi SP3 juga dikemukakan eks. P7 yang mengesahkan perayu tidak lagi menerima elaun kerja luar dan perjalanan bagi tempuh enam bulan selepas kemalangan plaintif (lihat m/s 105 hingga 106 rekod rayuan). Ini adalah kerana kecacatan yang beliau alami. Pegawai perubatan pula telah mengesahkan bahawa perayu hanya boleh melakukan kerja ringan saja – (lihat ms 122 rekod rayuan). Oleh kerana faktor-faktor ini majikan perayu menugaskan perayu di pejabat saja.

[11] Hakim perbicaraan memutuskan bahawa elaun kerja luar adalah merupakan bayaran balik kepada perayu kerana membelanjakan bagi petrol dan dengan itu adalah 'reimbursement' yang disebut hakim perbicaraan sebagai disbursement iaitu 'out of pocket expenses'. Jika perayu tidak melakukan kerja diluar, maka tiada perbelanjaan untuk minyak petrol, makan dan minum. Oleh itu beliau tidak membenarkan tuntutan kehilangan kerja luar di masa hadapan.

[12] Saya bersetuju dengan hujahan peguam pihak perayu bahawa hakim perbicaraan telah silap dalam undang-undang dan fakta apabila gagal membezakan elaun perjalanan dan elaun kerja luar. Walaupun elaun perjalanan adalah 'reimbursement' yang mana dibayar kerana plaintif menggunakan motosikal untuk melaksanakan tugas-tugasnya, elaun kerja luar adalah merupakan elaun tetap yang dibayar kerana tugas harian plaintif menjalankan kerjanya diluar setesen. Kadar bayaran ialah seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Ketua Pengarah Ukurdan Pemetaan Bil.2/1996.

[13] Bayaran elaun kerja luar bukanlah 'reimbursement' kerana perayu tidak menuntut bayaran tersebut sebagai 'out of pocket expenses' malah suatu bayaran yang tetap dibayar jika perayu masih menjalankan tugas di luar pejabat mengikut kadar menurut Pekeliling Ketua Pengarah 'Ukur dan pemetaan Bil. 2/1996':

i) jika kerja pengukuran disempadan: RM37.65 sehari (kadar 'D')

ii) Jika kerja pengukuran biasa: RM11.80 sehari (kadar 'B')

[14] Untuk menuntut bayaran ini Pekeliling tersebut tidak mensyaratkan seperti resit-resit perbelanjaan harian dikemukakan untuk dibayar balik atau pun menetapkan maksima yang boleh dituntut. Elaun kerja luar ialah bayaran kepada perayu kerana melakukan tugas luar dari pejabat iaitu di sempadan Thai-Malaysia dan kerja luar yang mana tugas adalah dimestikan.

[15] Bayaran elaun kerja luar ini adalah sebahagian dari pendapatan perayu kerana elaun ini timbul dari pelaksanaan tugas-tugas harian resmi perayu. Exhibit P6 menunjukkan bahawa bayaran ini dibayar setiap bulan. Memandangkan kadar bayaran elaun ini adalah tetap, mahkamah memutuskan bahawa bayaran elaun kerja luar adalah pendapatan dan bukannya 'reimbursement' seperti elaun perjalanan.

[16] Laporan perubatan dan laporan pakar perubatan jelas menunjukkan bahawa perayu telah menerima kecacatan akibat kemalangan tersebut dan oleh itu beliau tidak dapat melakukan kerja biasanya di luar pejabat.

[17] Oleh itu memandangkan perayu adalah seorang pekerja yang tugasnya termasuk kerja luar, bayaran elaun kerja luar adalah 'part and parcel of earnings' beliau. Oleh kerana kemalangan yang menimpa beliau telah mengakibatkan kecacatan kekal, beliau kini

tidak dapat menunaikan tugas-tugas biasanya dan kini langsung tidak dibayar elaun kerja luar yang mana purata elaun tersebut sebelum kemalangan ialah RM552.80 sebulan. Ini adalah suatu kehilangan yang secara langsung muncul dari 'tortious act' defendan. Lihat *Ong Ah Long v. Dr. S. Underwood* [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300.

[18] Dalam kes *Nagarajan a/l Veerappan v. Ananthan a/l Parama Sivam & Anor* [1989] 2 CLJ 1243; [1989] 2 CLJ (Rep) 153 diputuskan:

> Under s. 28A(2)(c)(i) of the Civil Law Act 1956, the word 'earning' is used in the sense of the plaintiff's ... earnings by his own labour or other gainful activity.' It cannot be gainsaid that the various 'allowances' paid to the plaintiff were gratuitous payments wholly unconnected with his work as crane driver. An employer may for various reasons, split the remuneration of an employee into this or that allowance but in the end it is the sum total of these payments that the worker gets for the work he puts in. That constitutes 'earnings' in the context of s. 28(2)(c)(i).

[19] Plaintif telah mengalami 'loss in earning capacity' iaitu secara kekal beliau telah kehilangan elaun kerja kerana tidak dapat menjalankan tugas biasanya.

[20] Memandangkan plaintif berumur 35 tahun 11 bulan semasa kemalangan, multiplier yang beliau layak ialah 9.

[21] Saya telah membenarkan RM3,175.20 sebagai kehilangan elaun bagi sembilan bulan atas kadar RM350 sebulan.

[22] Untuk 'post-trial' memandangkan perayu tidak akan melakukan apa-apa perbelanjaan kerana ketiadaan kerja luar jumlah kehilangan elaun kerja luar untuk 'post trial' ialah seperti berikut:

RM300 x 86 bulan = RM25,800

Faedah

[23] Amaun pra-bicara membawa faedah 4% dari tarikh kemalangan dan amaun pasca bicara membawa faedah 8% dari tarikh judgment sehingga diselesaikan sepenuhnya.

[24] Rayuan ini dibenarkan dengan kuantum kehilangan kerja luar seperti di atas dengan kos.